

# UNIT KAJIAN STRATEGIK

## LATAR BELAKANG

Perlis merupakan negeri yang terkecil dan terletak di utara Semenanjung Malaysia. Keluasan seluruh negeri Perlis adalah 795 km/segi dan mempunyai populasi seramai 250,000 orang. Walaupun Perlis terletak jauh di Semenanjung Utara Malaysia, namun pembangunan terancang terus dirasai oleh negeri ini. Dengan wawasan utama Negeri Perlis ialah untuk menjadi sebuah negeri maju dengan ekonomi mantap dan masyarakat yang berpendidikan serta berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020, Kerajaan Negeri Perlis telah menetapkan Tahun 2015 sebagai tahun Perlis Maju iaitu kurang 6 tahun dari sekarang. Untuk itu, berdasarkan kepada matlamat ini, Universiti Malaysia Perlis amat optimis dalam memainkan peranan utamanya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang mempunyai kepakaran dalam bidang kejuruteraan dan penyelidikan untuk membantu memantapkan usaha kerajaan Negeri bagi mencapai wawasan yang telah ditetapkan. Rentetan daripada itu, Unit Kajian Strategik ditubuhkan bagi tujuan membantu Kerajaan negeri Perlis dalam merangka Pelan Strategik Perlis Maju 2015.



## OBJEKTIF UNIT

- Mewujudkan kerjasama dalam menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan perundingan berkaitan pembangunan pendidikan, politik, ekonomi dan sosial di Negeri Perlis khususnya dan Nasional amnya.
- Menganjurkan program secara berkala kepada masyarakat bagi tujuan percambahan minda untuk melahirkan formula pembangunan dalam semua sudut pendidikan, ekonomi, sosial dan politik.
- Menasihati dan mencadangkan strategi-strategi berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan melalui penawaran kepakaran staf dan kemudahan termoden di UniMAP; kepada Kerajaan Negeri Perlis dalam usaha meningkatkan pertumbuhan KDNK dalam pelbagai bidang aktiviti ekonomi serta pembangunan pendidikan, sosial dan politik.
- Membantu Kerajaan Negeri Perlis dalam usaha mengenalpasti keperluan pembangunan prasarana yang seimbang bagi setiap kampung dalam negeri Perlis.




## MISI UNIT

"Menyumbang kepakaran kepada pembangunan sosiekonomi dan pemantapan modal insan terbilang"

## VISI UNIT

"Komited bersama membangunkan Negeri Perlis sebagai Negeri Maju Menjelang 2015"





## **Menjadi 'Pusat Rujukan' Kerajaan Negeri dan agensi yang berkaitan dalam mendapatkan hasil penyelidikan berkaitan aspek pembangunan pendidikan, ekonomi, sosial, politik dan modal insan;**

### **FUNGSI UNIT**

- Menjadi 'Pusat Rujukan' Kerajaan Negeri dan agensi yang berkaitan dalam mendapatkan hasil penyelidikan berkaitan aspek pembangunan pendidikan, ekonomi, sosial, politik dan modal insan;
- Menjadi penghubung diantara Kerajaan Negeri Perlis Dan Universiti Malaysia Perlis dalam melaksanakan program-program pembangunan Negeri Perlis.
- Mewujudkan hubungan kerjasama di antara Sektor Industri dan Kerajaan Negeri Perlis.
- Mengumpulkan data dan informasi bagi tujuan penyelidikan yang berkaitan dengan Perlis Maju.
- Merangka Pelan Strategik dalam membantu Kerajaan Negeri Perlis dalam usaha menyediakan sumber manusia yang kompeten bagi keperluan semua sektor.
- Menjadi Sekreteriat Utama bagi menyelaras Kumpulan Pemikir Perlis Maju 2015.
- Menjana produk pelancongan melalui pendidikan (Edutourism) dan mewujudkan hubungan kerjasama dengan Universiti Tempatan dan Luar bersama kerajaan negeri Perlis



### **PERANCANGAN UNIT**

- Menjalankan penyelidikan dan menyediakan laporan terkini berkenaan:
  - 1- Status taraf ekonomi penduduk di negeri Perlis.
  - 2- Status pemahaman rakyat terhadap pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan persekutuan dan Negeri.
  - 3- Status kemajuan dan kepuasan penduduk terhadap prasarana di Negeri Perlis.



- 4- Status taraf pendidikan menengah dan tinggi sekolah-sekolah di Negeri Perlis.
- 5- Status masalah sosial di kalangan remaja di negeri Perlis.
- 6- Cadangan dan rumusan terhadap hasil kajian untuk diberikan kepada Kerajaan Negeri Perlis.
- Membantu kerajaan negeri Perlis membangunkan sistem K-Kedatangan dan e-management dengan kerjasama Unit ICT UniMAP.
- Menubuhkan dan menyelaras Kumpulan Pemikir Negeri Perlis dalam memodenisasikan Hal Ehwal Pembangunan Fizikal Pendidikan, Ekonomi, Pembangunan Sahsiah Diri dan Modal Insan, Politik dan Pentadbiran Kerajaan Negeri.
- Membudayakan masyarakat negeri Perlis " Satu rumah satu usahawan"
- Menjalinkan kerjasama erat dengan semua agensi di negeri Perlis dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi penduduk di negeri Perlis.
- Merangka strategi bagi memajukan sektor perlancongan berdasarkan pendidikan melalui (Edutourism)

